

Tapak sekolah dipenuhi lalang

Sinar Harapan

12/05/2010 NIS

SEKSYEN 24 – Tapak cadangan membina dan menyiapkan Sekolah Rendah Agama Seksyen 24 ditumbuhi lalang, sedangkan pelajar Sekolah Agama Rakyat (Kafa) Integrasi Madrasah Al Ehsaniah tidak mempunyai bilik darjah yang mencukupi dan terpaksa menumpang di Masjid Al Ehsan, Seksyen 24.

Segelintir ibu bapa memaklumkan mereka tidak mengetahui bilakah pembinaan bangunan baru bagi menempatkan pelajar sekolah Kafa Integrasi Madrasah Al Ehsaniah itu akan siap dan status pembinaannya.

Seorang penduduk yang ditemui, Abdul Malik berkata, cadangan pembinaan Sekolah Rendah Agama Seksyen 24 telah lama dimaklumkan tetapi sehingga kini ia belum dilaksanakan dan hanya lalang sahaja dapat dilihat di kawasan itu walaupun papan tanda berhubung pembinaan sekolah itu telah lama diletakkan.

“Saya melihat sendiri keadaan bangunan yang sedia ada kini mempunyai kelas yang terhad berbanding dengan kehadiran murid yang ramai ke sekolah itu dan masalah itu perlu diatasi pihak berwajib.

“Kadang-kadang saya melihat kanak-kanak berkeliaran di kawasan masjid, apabila ditanya mereka memaklumkan kelas tidak ada dan terpaksa menunggu di luar untuk memberikan peluang kepada murid kelas lain belajar di bilik darjah yang tersebut,”

“Kadang-kadang saya melihat kanak-kanak berkeliaran di kawasan masjid, apabila ditanya mereka memaklumkan kelas tidak ada dan terpaksa menunggu di luar untuk memberikan peluang kepada murid kelas lain belajar di bilik darjah yang tersebut.”

- Penduduk, Abdul Malik

katanya.

Menurutnya, mempelajari agama sangat penting dan ia perlu diajar sejak di awal usia dan disebabkan sekolah ini adalah yang terdekat, dia menghantar ke semua anaknya ke sekolah itu.

“Saya berharap masalah ini dapat ditangani segera pihak berwajib kerana murid di sini memerlukan keselesaan kerana ia penting untuk mereka belajar dengan baik.

“Sebagai ibu bapa, saya juga mengharapkan supaya pihak sekolah dan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) memaklumkan kepada kami berhubung perkembangan sekolah ini dan mengemukakannya setiap kali mesyuarat diadakan,”katanya.

Difahamkan Sekolah Kafa Integrasi Madrasah Al Ehsaniah telah beroperasi sejak 1991 dan mempunyai 800 murid.



● Kawasan tapak cadangan membina dan menyiapkan Sekolah Rendah Agama Seksyen 24 ditumbuhi lalang dan tidak dibersihkan.